

# **UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**Peperiksaan Semester Tambahan  
Sidang Akademik 1995/96**

**Jun 1996**

**FKF 333 - Farmakokimia Sistem Saraf Pusat**

**Masa: 3 Jam**

---

Kertas ini mengandungi **ENAM (6)** soalan dan 5 muka surat yang bertaip.

**Jawab LIMA (5) soalan sahaja.**

**Semua soalan mesti di jawab di dalam Bahasa Malaysia.**

.....2/-

2.

(FKF 333)

1. (A) Anda diberi nama kimia 5-(3-dimetilaminopropil)-10,11-dihidro-5H-dibenz[b,f]azepina, jawab (a) - (c) berikut:

- (i) Berikan kegunaan klinikalnya.
- (ii) Terangkan kestabilan kimianya.
- (iii) Bincangkan metabolismenya.

(10 markah)

- (B) (i) Berikan pengelasan agen sedatif hipnotik serta satu contoh drug dari setiap kelas.

- (ii) Bincangkan kebaikan dan keburukan setiap kelas dalam rawatan insomnia.

(10 markah)

2. (A) Merujuk kepada nama kimia 7-kloro-2,3-dihidro-1-metil-5-fenil-1H-1,4-benzodiazepina, jawab (a) - (c) berikut:

- (i) Berikan kegunaan klinikalnya.
- (ii) Lukiskan struktur-struktur metabolit utamanya.
- (iii) Bincangkan pengionannya dalam larutan berasid dan berbes.

(10 markah)

.....3/-

3.

(FKF 333)

(B) Beza dan bandingkan fenitoin dan karbamazepin atas tajuk-tajuk berikut:

- (i) Kegunaan klinikal.
- (ii) Ciri-ciri farmakokinetik.
- (iii) Kesan-kesan sampingan.

(10 markah)

3. Bincangkan langkah-langkah dalam proses pembiusan. Berikan satu contoh drug, jika berkenaan, yang boleh digunakan bagi setiap langkah tersebut. Terangkan juga secara ringkas, ciri farmakologi dan toksikologi contoh-contoh drug yang dicadangkan itu.

(20 markah)

4. Seorang pesakit yang didiagnosiskan mengidapi skizofrenia telah menerima rawatan menggunakan haloperidol.

Terangkan perkara berikut:

- (a) Mengapa haloperidol dipilih untuk keadaan ini?
- (b) Nyatakan apakah simptom(-simptom) yang disasarkan dalam penggunaan haloperidol.

.....4/-

4.

(FKF 333)

- (c) Apakah langkah(-langkah) kaunseling drug yang boleh diberikan kepada pesakit tersebut?
- (d) Sekiranya pesakit ini juga mengalami tekanan darah rendah, apakah saranan yang perlu anda berikan?
- (e) Senaraikan dua (2) contoh ubat lain yang dapat digunakan untuk pesakit ini.

(20 markah)

5. (A) Dengan merujuk nama-nama kimia 2-amino-3-(3',4'-dihidroksifenil) propanoik asid dan 2-hidrazino-2-metil-3-(3',4'-dihidroksifenil) propanoik asid, jawab (a) - (b) berikut:

- (i) Lukiskan kedua-dua strukturnya.
- (ii) Bincangkan kegunaan klinikalnya.

(10 markah)

- (B) Terangkan kesan interaksi drug-drug berikut terhadap pesakit:

- (i) Agen hipoglisemik oral dengan alkohol.
- (ii) Barbiturat dengan alkohol.

(10 markah)

.....5/-

5.

(FKF 333)

6. (A) Lukiskan struktur-struktur metabolit utama bagi drug-drug berikut:

- (i) 2-bromo-2-kloro-1,1,1-trifluoroetana.
- (ii) 1-[1-(3-p-fluorobenzoilpropil)piperidin-4-il]benzimidazolin-2-on.
- (iii) 3-etil-3-metilpirolidina-2,5-dion.

(10 markah)

(B) Bincangkan kestabilan kimia untuk drug-drug berikut:

- (i) 2-kloro-9-[3-[4-(2-hidroksietil)-1-piperazinil]propilidena]tioxantena.
- (ii) 2-kloro-10-(3-dimetilaminopropil)fenotiazina.
- (iii) 7-kloro-1,3-dihidro-3-hidroksi-5-fenil-2H-1,4-benzodiazepin-2-on.

(10 markah)

oooOOOooo